

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL (TENOM)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Noorita binti Sual** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terbaru mengenai undang-undang untuk tidak menjadikan cubaan bunuh diri sebagai kesalahan jenayah di bawah Akta Kanun Keseksaan, bilakah ia akan dibentang dan dibahas di Parlimen dan dari tahun 2018 hingga hari ini berapa kes cubaan bunuh diri yang telah didakwa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara (AGC) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia kerana berdasarkan statistik setakat 2015 insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Isu percubaan membunuh diri menjadi lebih meruncing pada masa ini kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu menjadikan ramai kehilangan sumber pendapatan atau hilang pekerjaan. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Berdasarkan hasil kajian perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura, didapati negara-negara tersebut telah

## SOALAN NO : 54

mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan. Ini bermakna percubaan membunuh diri bukan lagi suatu kesalahan jenayah di negara-negara tersebut.

Oleh itu, berdasarkan perkembangan undang-undang berkaitan di negara yang dikaji, AGC sedang menimbang cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

AGC juga sedang meneliti dengan lebih lanjut pilihan perundangan yang ada serta implikasi perundangan sekiranya kesalahan percubaan membunuh diri dikeluarkan daripada sistem keadilan jenayah. Di samping itu, AGC sedang meneliti keperluan untuk meminda undang-undang lain yang berbangkit daripada pengeluaran kesalahan percubaan membunuh diri daripada sistem jenayah.

Manakala, bagi jumlah kes cubaan membunuh diri yang didakwa daripada tahun 2018 sehingga Jun 2021 ialah 902 kes. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 261 kes telah didakwa pada tahun 2018, 243 kes telah didakwa pada tahun 2019, 223 kes telah didakwa pada tahun 2020 dan sebanyak 175 kes telah didakwa dalam tempoh Januari hingga Jun 2021.

Sekian. Terima kasih.